

24/03/2000

Pakej umrah bersama pihak Saudi

Jamhariah Jaafar

KUALA LUMPUR, Khamis - Mulai tahun depan, semua agensi pelancongan yang mengendalikan pakej umrah, perlu bekerjasama dengan agensi pelancongan Arab Saudi serta memastikan semua jemaah mereka pulang mengikut jadual.

Langkah itu bertujuan mengelak jemaah umrah menghadapi masalah ditahan oleh pihak berkuasa Arab Saudi kerana tinggal melebihi tempoh yang dibenarkan di Tanah Suci.

Kedutaan Arab Saudi di sini akan menentukan agensi pelancongan di negara berkenaan yang boleh digandingkan dengan agensi atau kumpulan tempatan yang mengendalikan pakej umrah.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman, berkata agensi pelancongan kedua-dua negara atau ketua kumpulan yang membawa kumpulan jemaah umrah itu akan menjadi penjamin bagi memastikan setiap mereka dibawa balik mengikut jadual.

"Kalau jemaah terbabit tidak keluar dari Makkah mengikut jadual, agensi pelancongan terbabit akan bertanggungjawab," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen, hari ini.

Sebelum musim haji tahun ini, pihak berkuasa Arab Saudi mengusir hampir 25,000 jemaah haji dari pelbagai negara kerana melanggar peraturan imigresen negara itu, bagi memastikan kelicinan urusan haji di Makkah.

Dr Abdul Hamid berkata, setiap tahun lebih 70,000 umat Islam dari negara ini mengerjakan umrah dan kebanyakan mereka berada di Makkah sepanjang bulan Ramadan.

Kerajaan, katanya, tidak pernah berhasrat menyekat atau menghalang umat Islam negara ini daripada mengerjakan ibadat haji dan umrah serentak.

"Bagaimanapun, mereka mesti mengikut saluran yang betul. Kita memang menggalakkan umat Islam membuat ibadat tetapi jika berulang kejadian yang sama iaitu berada di Makkah tanpa visa sah, jemaah juga yang menghadapi masalah, bukan kita," katanya.

Beliau sekali lagi melahirkan rasa kesalnya terhadap fitnah kononnya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terbabit dengan penahanan rakyat Malaysia di Arab Saudi.

"Itu adalah satu fitnah. Mereka yang berada di sana melebihi tempoh waktu ditetapkan adalah pendatang tanpa izin.

"Sama seperti pendatang tanpa izin yang berada di Malaysia, sesiapa yang ditangkap akan diusir balik. Perkara ini tidak ada kena mengena dengan kerajaan Malaysia," katanya.

Semalam, Dr Abdul Hamid berkata, kerajaan menanggung kos penghantaran pulang 340 jemaah Malaysia yang ditahan di Pusat Tahanan Sementara Tarhill, di Jeddah kerana tinggal melebihi tempoh di Arab Saudi, baru-baru ini.

(END)